



Seminar Manuskrip Islam

1-2 Mac, 2004
Pusat Persidangan Antarabangsa
Negara Brunei Darussalam



Tema
**MANUSKRIP ISLAM:
KEPENTINGAN DAN PENYEBARAN**

*Dala'i'l Al-Khairat Wa Syawariq Al-Anwar Fi Zikr
Ash-Shalah 'Ala An-Nabiyy Al-Mokhtar.
Satu Cetusan Spontan Kerana Kehebatan Shalawat
Ke Atas Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam*

Oleh:

*Yang Dimuliakan Lagi Dihormati
Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned, Mufti Kerajaan,
Negara Brunei Darussalam*

Anjuran:

**Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Kelolaan:

**Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri**

Tempat:

**Dewan Persidangan Utama
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DALAIL AL-KHAIRAT WA SYAWARIQ AL-
ANWAR FI ZIKR ASH-SHALAH ‘ALA AN-
NABIY AL-MOKHTAR :
SATU CETUSAN SPONTAN KERANA
KEHEBATAN SHALAWAT KEATAS NABI
SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM

Oleh:

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati
Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned,
Mufti Kerajaan,
Negara Brunei Darussalam.

Seminar Manuskrip Islam:
09 – 10 Muharram, 1425
01 – 02 Mac, 2004

Anjuran:
Jabatan Perdana Menteri,
Kelolaan
Jabatan Mufti Kerajaan,
Negara Brunei Darussalam.

Tempat:
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي جعل ذكره طمأنينة للقلوب، وجلاء لها عن رين الذنوب، ودنس العيوب، ومطردة للوسواس الخناس الكذوب، وسبباً موصلاً إلى كشف الأسرار ومطالعة الغيب، وقد أمر سبحانه بالدعاء ووعد بالإجابة، وجعله سبباً لرد البلاء واستجلاب الرحمة المستطابة " وإنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ مانوي" ، وصلى الله وسلم على سيدنا وحبيتنا وشفيعنا ومولانا محمد وعلى آله وصحبه وسلم، وبعد

Kalau disebut do'a, secara umumnya menurut hadits Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, adalah ia sebagai¹ "مخ العبادة" (otak ibadat) dan² "سلاح المؤمن" (senjata orang beriman). Tetapi secara khususnya pula, selawat keatas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam adalah tidak salah jika ia disifatkan sebagai "do'a atas do'a", berdasarkan hadits yang dikeluarkan oleh al-Imam Ahmad, al-Hakim dan al-Baihaqi daripada Sayyidina 'Umar bin al-Khattab radhiyallahu 'anh, katanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْلَا أَجْعَلْتَ ثَلَاثَ دُعَائِ فِي الصَّلَاةِ عَلَيْكَ قَالَ إِنَّ زَدَتْ فَهُوَ أَفْضَلُ قَالَ أَجْعَلْتَ ثَلَاثَيْنِ قَالَ إِنَّ زَدَتْ فَهُوَ أَفْضَلُ قَالَ بَأْيَ أَنْتَ وَأَمِي يَا رَسُولَ اللَّهِ أَجْعَلْ دُعَائِ كُلِّ الصَّلَاةِ عَلَيْكَ قَالَ إِذْنٌ يَكْفِيكَ اللَّهُ أَمْرُكَ مِنْ دُنْيَاكَ وَاحْرَتْكَ - كَذَا فِي بَحْرِ الْأَنْوَارِ.

¹. Hadits Anas bin Malik, lihat Tuhfah al-Ahwazi Syarh Jame' at-Tirmizi, m.s. 252.
². Hadits 'Ali karramallahu wajhah, lihat Musnad Abi Ya'la al-Mushili, m.s. 235.

Maksudnya:

“Wahai Rasulullah, apakah tidak (wajar) aku jadikan 1/3 daripada do’aku ialah berselawat keatas Tuan?” Bersabda Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam: “Jika engkau lebihkan, maka ia adalah lebih afdal.” Berkata pula ‘Umar: “Aku jadikan ia 2/3?” Sabda Baginda: “Jika engkau lebihkan, maka ia adalah lebih afdal.” Berkatalah Umar: “Demi bapaku, Tuan dan ibu, wahai Rasulullah! Aku akan jadikan semua do’aku adalah selawat keatas Tuan.” Bersabda Baginda: “Kalau begitu, Allah akan menyempurnakan urusanmu dari (semua perkara) dunia dan akhiratmu” – Demikian tersebut dalam ‘Bahr al-Anwar.

Daripada riwayat ini dapatlah dikesan betapa selawat keatas Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam itu adalah kepala segala do’a, kepala ibadat dan senjata paling canggih. Jadi jika begitu keadaannya, maka memang tepat dan patutlah Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَتَأَبَّهَا الَّذِينَ لَمْ يُؤْمِنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا (الأحزاب: 56)

Tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah dan MalaikatNya berselawat (mengurniakan segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Sayyidina Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam). Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam dan penghormatan dengan sepenuhnya.” (Al-Ahzab : 56).

Dari ayat ini, Allah dengan cara yang langsung dan berterus-terang ingin memberikan keberuntungan kepada orang-orang yang beriman dengan mengucapkan selawat dan salam kepada Penghulu dan Nabi mereka sendiri, Sayyidina Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam.

اللهم صل على محمد وعلی آل محمد وعلی ابراهيم وعلی آل ابراهيم، وبارك علی محمد وعلی آل محمد، كما باركت علی إبراهيم وعلی آل إبراهيم إنك حميد مجيد.

Sekurang-kurang selawat itu : اللهم صل على محمد وعلی آل محمد، كما صليت علی إبراهيم وعلی آل إبراهيم، وبارك علی محمد وعلی آل محمد، كما باركت علی إبراهيم وعلی آل إبراهيم إنك حميد مجيد.

Memang tidak diragukan lagi, bahawa zikir pada umumnya dan selawat khasnya, adalah hebat. Selain kehebatannya itu tergambar melalui ayat 56 Surah al-Ahzab, ia juga disebut begini oleh hadits Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam :

ماجلس قوم مجلسا لم يذكروالله تعالى فيه ولم يصلوا على نبيهم فيه إلا كان عليهم ترة، فإن شاء عذبهم وإن شاء غفر لهم.

Maksudnya:

“Tidak duduk satu kaum pada suatu majlis (yang) mereka itu tidak berzikir kepada Allah dan tidak juga berselawat kepada Nabi Shallallhu ‘alaihi wasallam, melainkan hanyalah kekurangan (tirah) juga yang mereka dapat. Jika Allah menghendaki, mereka itu diseksaNya dan jika Dia menghendaki (boleh juga) mereka itu diberiNya keampunan.” (Hadits Abu Hurairah, riwayat at-Tirmizi yang dikategorikannya sebagai hasan).

Demi mengingat kehebatan serta gunanya zikir dan selawat inilah, maka para ulama dan orang-orang salih bertungkus lumus menyusun dan mengarang zikir dan selawat dengan berbagai bentuknya, tanpa mengabaikan apa-apa yang sedia warid dari Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam untuk jadi sebahagian daripadanya.

Ini termasuklah *Dalail al-Khairat*. Mengapa ia disusun, ialah suatu kejadian yang dialami oleh

pengarangnya, al-Imam al-‘Amil al-Waliy al-Kabir Muhammad bin Sulaiman bin Abi Bakr al-Jazuli rahimahullah.

Pada suatu hari beliau ini mahu berwudhu (mengambil air sembahyang) kerana waktu sembahyang telah masuk. Tetapi beliau tidak punya alat untuk mengambil air daripada perigi. Sedang beliau tercegat tidak dapat berbuat apa-apa kerana ketiadaan alat itu, tiba-tiba seorang kanak-kanak perempuan datang kepadanya daripada tempat yang tinggi dan bertanya:

“Siapakah Tuan ini?”

Syeikh al-Jazulipun memberitahu kepada kanak-kanak itu tentang siapa dirinya yang sebenar. Mendengar ini kanak-kanak tersebut berkata:

“Tuan adalah seorang yang terpuji lagi dihormati, mengapakah Tuan bingung untuk mendapatkan air daripada perigi ini?”

Kemudian kanak-kanak itu meludah ke dalam perigi, lalu ketika itu juga air perigi naik melimpah sehingga membasahi bumi.

Al-Jazulipun bertanya: *“Wahai budak, dengan apakah engkau memperolehi keramah (kemuliaan) ini?”*

“Saya memperbanyak selawat keatas Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam,” jawab kanak-kanak itu.

Spontan dari kejadian inilah, al-Jazuli bersumpah untuk menyusun sebuah kitab yang berisi dengan selawat.³ Itulah dia *Dalail al-Khairat*.

³. Yusuf bin Ismail An-Nabhani Asy-Syafe’I : *Afdhalu Ash-Shawat ‘Ala As-Sayyid As-Sadat*. Cetakan Dar Al-Fikr, m.s., 54-55.

Dalam kitab *Mu'jam al-Muallifin* (11:118) karangan 'Umar Ridha Kahhalah, nama kitab ini disebut sebagai *Dalail al-Khairat fi ash-Shalah 'ala Sayyid as-Sadat Shallallahu 'alaihi wasallam*. Tetapi namanya yang sebenar ialah *Dalail al-Khairat wa Syawariq al-Anwar fi Zikr ash-Shalat 'ala an-Nabiyy al-Mukhtar*.⁴ Disusun demi mengharapkan redha Allah.

Kitab ini adalah himpunan pelbagai selawat. Terdapat gambar rajah makam Nabi serta nama-nama Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam. Mengikut setengah catatan, kitab ini dibuat berpandukan pelbagai rujukan di Perpustakaan Jame' al-Qirawiyyin.

Kitab *Dalail al-Khairat* yang asal hanya mengandungi himpunan selawat. Tetapi di masa-masa terkemudian, banyak cetakan telah mencampurnya dengan lain-lain zikir dan hizib. Salah satu contoh ialah yang dicetak oleh pencetak Sulaiman Mar'ie, Bashrah Street, Singapura. Diantara kandungannya turut memuatkan: *Hizib an-Nash*, *Do'a Malam Nisfu Sya'ban*, *al-Hizb al-A'zam*, *Hizib al-Bar*, *Hizib al-Bahr*, *Qashidah al-Burdah*, *Hizib an-Nawawi*, *Hizib al-Bayumi*, *Hizib ad-Daur al-A'la*, *Qasidah al-Munfarijah*, *Awrad Sayyidi 'Abdul Qadir* dan lain-lain.

Kitab *Dalail al-Khairat* telah disyarah oleh ulama. Salah satunya oleh al-Imam Muhammad al-Mahdiy bin Ahmad bin 'Ali bin Yusuf al-Fasi dalam kitabnya مطاع المسرات بحلا دلائل الخيرات. Cetakan akhir kitab ini ialah pada tahun 1389H/1970M oleh Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir. Berukuran 7' x 12' dan mengandungi sebanyak 434 halaman.

4. Al-Imam Muhammad al-Mahdiy bin Ahmad bin 'Ali bin Yusuf al-Fasi, *Mathali' al-Masarrat bi Jala' Dalail al-Khairat*, m.s. 16-17.

Satu daripada keistimewaan kitab *Dalail al-Khairat* ialah ramainya penuntut dan ulama yang memilikinya di seluruh dunia Islam pada khususnya. Malah yang lebih menakjubkan, terdapat banyak naskhah tulisan tangan yang boleh ditemui di mana-mana. Ia ditulis dengan berbagai jenis dan bentuk tulisan. Setengahnya itu menggunakan tulisan-tulisan keemasan, lengkap dengan awan larat dan lain-lain hiasan, menjadikannya lebih cantik dan unik lagi.

Di dalam Balai Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga tidak ketinggalan turut menyimpan naskhah-naskhah manuskrip tulisan tangan kitab ini. Tiap-tiap satunya ditulis oleh orang yang berlainan. Naskhah-naskhah itu sangat lama, dipercayai pernah dimiliki oleh sama ada raja-raja, orang-orang besar dan ulama secara turun temurun dari satu generasi ke satu generasi.

Tujuan Disalin.

Apakah tujuan ia disalin?

Selain pada masa itu belum terdapat naskhah-naskhah yang bercetak, maka tujuan asasi menyalinnya itu juga tentu saja sama dengan tujuan ia mula-mula ditulis atau disusun, iaitu bagi kegunaan, demi mengharapkan, pengamal-pengamalnya mendapat faedah besar memperolehi berkat kerana berselawat itu. Dan khusus dalam penulisan, ada hadits menyebut yang bermaksud: “*Barangsiapa berselawat keatasku dalam kitab (menulis selawat itu dalam tulisan-tulisan sama ada ia berupa buku atau lain-lain), Malaikat akan sentiasa memohonkan ampun baginya selama mana tulisan selawat itu masih kekal dalam kitab tersebut.*”⁵

Lihatlah, baru setakat menulis sebaris “اللهم صل على محمد” dalam kitab, dalam buku, dalam risalah-risalah, dalam majalah-majalah, dalam kertaskerja-kertaskerja dan lain-lain, telah menyebabkan para Malaikat terpaksa bertugas khusus untuk memohonkan ampun bagi penulisnya, selama mana tulisannya itu tidak padam atau tidak hilang daripada buku atau kertas yang ditulis itu. Sebab itulah, jika menulis selawat, maka tulislah betul-betul, jangan direngkas-rengkas seperti hanya menulis “s.a.w.” sahaja, tidak akan membawa apa-apa makna.

Hayati selawat, jangan permain-mainkan selawat. Bersama-sama lah kita dengan orang-orang yang seperti al-Jazuli dalam menanggapi selawat, sebagaimana dia bertawajuh kepada Allah di permulaan kitabnya, *Dalail al-Khairat*, antara lain katanya:

...وَاجْعَلْ صَلَوَاتِي عَلَيْهِ نُورًا نَّيْرًا كَامِلًا مُكَمَّلًا طَاهِرًا مُطَهَّرًا مَاحِيًّا
كُلُّ ظُلْمٍ وَظُلْمَةٍ وَشَكٍّ وَشَرْكٍ وَكُفْرٍ وَزُورٍ، وَاجْعَلْهَا سَبَبًا لِلتَّمْحِيصِ
وَمَرْفًا لِأَنَّالَ بِهَا أَعْلَى مَقَامِ الْإِخْلَاصِ وَالتَّحْصِيصِ ...

“Jadikanlah (ya Allah), selawatku atas Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam sebagai cahaya yang menerangi dalam keadaan sempurna lagi menyempurnakan, suci lagi mensucikan, penghapus tiap-tiap kezaliman, keragu-raguan, kemusyrikan, kekufuran, perbuatan aniaya dan dosa. Dan jadikanlah selawat ini juga sebagai perantara untuk membersihkan cacat-cela, dan sebagai alat untuk memperolehi maqam ikhlas serta keistimewaan, sehingga tiada lagi dalam diriku ini Tuhan selain Engkau semata....”

Harapan dan munajat al-Jazuli ini cukup menjelaskan bahawa selawat itu adalah segala-galanya, berperanan besar untuk mengusai keadaan. Kerana itu, adalah memang tepat

perintah Allah di dalam Surah al-Ahzab ayat 56 yang sebelum ini sudahpun disebut.

“*Al-Amr*” (perintah) menurut ulama dalam ayat (صلوا عليه) ini adalah ‘*perintah wajib*’. Bahkan ada yang mengatakannya (berpendapat tentang wajib selawat itu sebagai) ijma’. Namun begitu, mereka masih sahaja berbeza pendapat tentang hukum wajibnya itu sampai 9 (sembilan) qaul:

1. Al-Qadhi Abu Hasan bin al-Qashshar al-Malikiyy berpendapat: Wajib tanpa batasan. Sekurang-kurangnya sekali, dianggap sudah memadai.
2. Al-Qadhi Abu Bakr bin Bakeer juga dari golongan ulama Malikiyyah: Wajib membanyakannya tanpa terikat kepada bilangan.
3. Ash-Shahawi dan jema’ah dari golongan ulama Hanafiyyah serta al-Halimi dari ulama Syafe’iyyah: Wajib ketika mana ia disebut. Berkata Ibnu al-‘Arabri dari ulama Malikiyyah: “Ini adalah langkah berhati-hati.”
4. Dari padanya kalangan ahli ilmu sebagaimana riwayat Abu ‘Isa at-Tirmizi: Sekali pada setiap majlis. Jika majlis itu berulang-ulang, maka disebutlah pula ia berkali-kali.
5. Wajib pada setiap kali berdo’a.
6. Abu Bakr ar-Razi dari ulama Hanafiyyah: Wajib sekali dalam seumur hidup di dalam sembahyang atau lainnya, seperti Kalimat Tauhid.
7. Abu Ja’afar al-Baqir radhiyallahu ‘anh: Wajib di-dalam sembahyang tanpa menentukan tempatnya.

8. Asy-Sya'bi dan Ishak ibnu Rahawaih: Wajib dalam at-Tasyahhud.
9. Al-Imam asy-Syafe'i rahimahullah: Wajib pada duduk yang terakhir dalam sembahyang (diantara Tasyahhud dan Salam).

Selebih daripada hukum wajib itu, ia juga dihukumkan ‘*Sunnah Muakkadah*’, yakni dituntut agar memperbanyak-kannya tanpa sebarang batasan. Berkata Ibnu ‘Athiyyah di dalam tafsirnya: “*Selawat keatas Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam pada setiap masa adalah merupakan kewajipan tuntutan Sunnah Muakkadah yang tidak layak untuk ditinggalkan. Tiada lalai dari berselawat itu melainkan hanyalah orang-orang yang tiada kebijakan padanya.*”

Keutamaan Selawat

Dalail al-Khairat turut mengandungi antara lain keterangan mengenai keutamaan selawat. Keterangan ini penting sebelum yang lain-lain berikutnya. Dengan penerangan itu akan lebih menambat lagi hati-hati kepada selawat. Inilah hikmatnya.

Dalam tulisan/ucapan ini, saya ingin juga turut menambah sedikit, tetapi hanya dengan menyebutkan maksudnya sahaja:

1. Ibnu al-Mulqin dalam al-Hadaiq: Daripada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam Baginda bersabda, (maksudnya): “*Barangsiapa yang berselawat keatasku, berselawatlah Malaikat keatasnya. Barangsiapa yang Malaikat berselawat keatasnya, berselawatlah Allah keatasnya. Dan barangsiapa Allah berselawat keatasnya, maka tiadalah tinggal suatu yang di langit dan di bumi:*

pokok-pokok, tumbuh-tumbuhan, burung-burung, binatang-binatang buas dan binatang-binatang ternakan, melainkan semuanya itu sama-sama berselawat keatasnya.”

2. Mengeluarkan Ibnu Mandah daripada Jabir radhiallahu ‘anh, katanya: Telah bersabda Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam, (maksudnya): “Barangsiapa berselawat keatasku tiap-tiap hari 100 (seratus) kali, Allah sampaikan baginya 100 (seratus) hajat : 70 daripadanya hajat akhirat dan 30 lagi hajat dunia.”
3. Diriwayatkan daripada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam Baginda bersabda, (maksudnya): “Barangsiapa yang berselawat keatasku 500 (lima ratus) kali pada tiap-tiap hari, dia tidak akan jadi fakir buat selama-lamanya.”
4. Diriwayatkan lagi, sabda Baginda Shallallahu ‘alaihi wasallam, (maksudnya): “Banyakkanlah oleh kamu berselawat keatasku, kerana sesungguhnya selawat itu menghuraikan kekusutan dan menghilangkan kesusahan.” Demikian dalam an-Nuzhah.
5. Daripada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam, (maksudnya): “Barangsiapa sukar mencapai hajatnya, maka banyakkanlah selawat (riwayat lain: “Maka banyakkanlah berselawat keatasku”), kerana selawat itu menghilangkan dukacita dan kesusahan, menambahkan rezki dan menyampaikan kepada hajat.”

Menurut al-Imam as-Suyuthi, semua hadits-hadits ini adalah shahih.

Bertawasul Dengan Selawat

Pada hakikatnya seseorang yang berselawat atau membaca selawat, adalah dia sedang bertawasul dengan selawat tersebut. Ertinya dia harus memperolehi sesuatu sama ada dia sengaja menghendaknya ataupun tidak kerana selawat itu.

Tawasul itu ertiya mengambil jalan atau sebab yang boleh mendekatkan diri kepada Allah, dimana Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam tidak syak lagi adalah ‘wasilah’ yang paling istimewa. Dalam al-Qur'an ada dua tempat: Satu Surah al-Maidah ayat 35 yang menyebut begini, tafsirnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah wasilah (jalan yang menyampaikan kamu) kepada Allah...*” Kedua, Surah al-Isra' ayat 57, tafsirnya: “*Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari wasilah (jalan) kepada Tuhan mereka, siapakah diantara mereka yang lebih dekat (kepada Allah), serta pula mengharapkan rahmatNya dan takut akan azabNya...*”

Ahlussunnah Waljama'ah mengharuskan bertawasul itu. Ia berlaku kepada manusia, jin dan malaikat.

Daripada pengalaman-pengalaman yang pernah disaksikan (musyahadah) mahupun daripada eksperimen (tajribah) yang pernah dilakukan, menunjukkan selawat itu sangat-sangat efektif pada membawa keberhasilan. Ini termasuklah pengalaman Nabi kita sendiri, Sayyidina Muhammad Shallallahu ‘alaihi wasallam di dalam sekian banyak riwayat, antaranya :

- * Sabda Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam, maksudnya: “*Aku telah menyaksikan pada Malam Me’raj seorang Malaikat tercabut sayap-sayapnya dan berubah rupanya. Aku bertanya kepada Jibril: “Siapa dia Malaikat ini dan mengapakah keadaannya jadi begini?”*

Menerangkan Jibril: “*Dia adalah seorang Malaikat dari kumpulan Malaikat Muqarrabin. Dia telah diutus oleh Allah untuk menghancurkan suatu kaum, tetapi oleh kerana kasihannya kepada kaum tersebut, sampai dia melambatkan perlaksanaan perintah itu yang menyebabkan Allah murka kepadanya selama empat ribu tahun, sebagaimana yang Tuan saksikan.*” Maka aku bertanya: “Apakah baginya (diberi peluang untuk) bertaubat?” (Manjawab Jibril): “*Adalah Allah telahpun mewahyukan kepadaku, bahawa taubatnya ialah berselawat keatas Tuan sepuluh kali.*” (Kemudian) Malaikat itupun berselawat keatas Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam sepuluh kali, lalu baliklah dia kepada maqamnya (pangkatnya) yang asal, dan baginya 70 ribu wajah, dan pada tiap-tiap wajah itu 70 ribu mulut, dan tiap-tiap mulut pula 70 ribu lidah, dan tiap-tiap lidah bertasbih kepada Allah 70 ribu tasbih. Allah telah menjadikan dari tiap-tiap satu tasbih itu, ialah seorang Malaikat, yang memohonkan ampun kepada Allah bagi siapa yang berselawat keatasku.” Demikian dalam *Bahr al-Anwar*.

- * Diriwayatkan lagi daripada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam, Baginda bersabda, (maksudnya): “*Telah datang kepadaku Jibril dengan rupa yang berseri-seri, lalu akupun bertanya: “Wahai Jibril, belum pernah aku melihatmu sebagaimana aku melihat sekarang.”*” Jibril berkata: “*Wahai Rasulullah, adakah (Tuan mahu supaya) saya khabarkan kepada Tuan tentang keajaiban?*” Jawabku: “*Ya*”. Berkata Jibril: “*Manakala saya sampai di Bukit Qaf, saya telah mendengar daripada belakang bukit itu suara rintihan dan tangisan. Sayapun pergi ke sana dan mendapati ada seorang Malaikat dari kalangan Malaikat*

Muqarrabin. Dua-dua sayapnya pecah, wajahnya dibasahi air mata. Dia mengenali saya dan saya juga mengenalinya. Kerana dia Malaikat yang berpangkat muqarrab (hampir), di langit dia berada di atas katil dengan dikelilingi oleh 70 ribu para Malaikat yang berkhidmat kepadanya. Aku bertanya kepadanya: "Apakah dosamu?" Jawabnya: "Apabila tiba Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pada Malam Me'raj, lalu penduduk langitpun bangun, mengalu-alukan sebagai tanda hormat kepada Baginda. Tetapi saya masih sahaja masyghul (sibuk) dengan tugas saya, sehingga tidak dapat memberikan penghormatan sepenuhnya kepada Baginda. (Di dalam satu riwayat lain: "Dan saya pada masa itu berada di atas katil, sedang Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam melintas lalu di hadapan saya dan saya tidak bangun"). Lalu Allahpun menghukum saya dengan'uqubah (siksaan) ini dan menempatkan saya di tempat ini sebagaimana Tuan saksikan." (Berkata seterusnya Jibril): "Sayapun merendah diri kepada Allah untuk menolongnya. Tetapi Allah berfirman: "Aku tidak akan menerima syafa'atmu (wahai Jibril), sehinggalah dia (Malaikat ini sendiri) berselawat keatas kekasihku Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam sepuluh kali. Maka Malaikat itupun berselawat keatas Tuan sepuluh kali, dan diapun di'afiatkan (disejahterakan) oleh Allah daripada bala, dan tumbuhlah semula dua sayapnya, dengan berkat selawat keatas Tuan."⁶

Ini adalah contoh 'Tawasul Malaikat' dengan selawat keatas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Betapa 'Tawasul Manusia' dengan selawat itu mungkin lebih lagi, kerana ia memang berlaku dan akan terus berlaku sampai bila-bila.

⁶. As-Sayyid Muhammad Haqyu an-Nazili, *Khazinah al-Asrar Jalilah al-Azkar*.

Sebagai contohnya, dibawah ini dibawakan beberapa riwayat hadits dan atsar:

- * Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda, (maksudnya): “*Banyakkanlah oleh kamu selawat keatasku, kerana sesungguhnya perkara yang awal kamu akan disoal dalam kubur ialah tentang aku.*”

Dari hadits ini menjelaskan, bahawa banyak berselawat itu sangat berfaedah di dalam kubur sebagai syafa’at atau sumber syafa’at.

- * Sabda Baginda Shallallahu ‘alaihi wasallam, (maksudnya): “*Sesungguhnya yang paling selamat diantara kamu dalam huruhara Hari Kiamat, ialah orang yang paling banyak berselawat keatasku ketika di atas dunia...*”

Hadits ini juga merujuk kepada syafa’at di akhirat bagi orang-orang yang banyak berselawat. Mereka dijamin paling selamat.

- * Sabda Baginda Shallallahu ‘alaihi wasallam lagi, (maksudnya): “*Banyakkan oleh kamu selawat keatasku pada hari dan malam Juma’at. Barangsiapa yang berbuat demikian itu, sesungguhnya aku – pada Hari Kiamat – menjadi saksi dan memberi syafa’at baginya.*”

Selawat adalah satu perkara, sementara Hari Juma’at pula satu perkara lain. Hari dan Malam Juma’at adalah hari dan malam penuh berkat, dimana apabila kita melakukan selawat banyak-banyak didalamnya, akan membawa lebih keberkatan, sehingga pasti, bahawa Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam akan menjadi saksi dan memberi syafa’at kepada kita di akhirat.

Berkata al-Hafiz as-Sakhawi dan Imam kita asy-Syafe'i rahimahullah: "Adalah aku, suka membanyakkan selawat keatas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam didalam semua keadaan, lebih-lebih lagi pada Malam dan Hari Juma'at", Sementara As-Suyuti pula berkata dalam kitabnya ad-Dur al-Manshur: "Bahawa bersibuk-sibuk dengan selawat pada Hari Juma'at dan Malamnya itu sangatlah besar pahalanya dari membaca al-Qur'an sendiri, kecuali Surah al-Kahfi, kerana ada nash hadits menyuruh membacanya (Surah al-Kahfi itu) pada Malam dan Hari Juma'at."⁷

- * Berkata al-'Allamah Ibnu Hajar dalam kitabnya al-Jawhar al-Munazzam: 'Adalah sah dan betul didalam hadits-hadits:

فَمَنْ سَأَلَ اللَّهَ لِلْوَسِيلَةِ حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

(barangsiapa yang meminta kepada Allah bagi saya menjadi wasilahnya (Jalan perantaraan), nescaya mendapat dia syafa'atku (pertolonganku) pada Hari Kiamat).

Selawat Sumber Segala Kebajikan

Satu ciri khusus selawat, tidak syak lagi adalah ia sumber keselamatan, sama ada di dunia maupun di akhirat. Sumber rahmat, sumber keampunan, sumber rezeki sumber cahaya pendeknya sumber segala kebajikan. Inilah dia selawat. *Dalail al-Khairat* mendukung manifestasi tentang ini semua.

⁷. Yusuf bin Ismail an-Nabhani, af-Dhalu ash-Shalawat 'Ala Sayyid as-Sadat, m.s.26.

Selawat adalah sumber mudah untuk memperolehi segala kebajikan. Semua orang boleh mendapatnya tanpa apa-apa syarat atau bayaran. Mengapakah tidak direbut?

Kita yakin, pengarang *Dalail al-Khairat* ini mengajak kita kemari: kepada selawat. Mula-mula digembarikannya kita dengan beberapa hadits tentang keutamaan selawat. Biar kita tahu dulu keutamaan tersebut. Naluri insan memang begitu, tak kenal maka tak cinta. Kemudian berikutnya barulah dia bimbing dan tunjukkan kita pula bagaimana cara membaca selawat itu. Bagi tiap-tiap hari. Jangan ada sehari pun yang kosong. Lalu disusunyalah 8 hizib. Bagi setiap hari satu hizib. Bagi satu hizib hanya mengambil masa antara 10 hingga 15 minit sahaja. Tidak panjang macam masa yang diambil oleh filem, satu filem ada yang sejam atau dua jam, atau lebih. Tetapi selawat, tidak panjangpun, walau sekali selawat sahaja, Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

من صلي على من أمتى مرة واحدة كبت له عشر حسنات ومحيت عنه عشر سيئات

Maksudnya: “*Barangiapa daripada umatku berselawat keatasku sekali, ditulis baginya sepuluh kebajikan (pahala) dan dihapuskan daripadanya sepuluh kejahanan (dosa).*”

Tidak halnya, filem panjang-panjang pun apa dapat? Siapa yang berani cakap bahawa akan ditulis bagi orang yang menonton itu sepuluh kebajikan dan dihapus baginya sepuluh kejahanan (dosa)?

Disinilah perbezaan yang ketara antara berlian dan kaca. Perbezaan bagaimana untuk meraih syurga dan neraka. Meraih syurga hanya percuma, poket tidak terjejas, sedangkan untuk meraih neraka rupa-rupanya mahal. Ya, mana boleh untuk dapat yang seronok-seronok itu dengan percuma? Tak boleh dapat, melainkan dengan harga yang mahal, baru dapat. Berapa banyak selawat Tuan suka, satu senpun tidak payah keluar, namun imbohannya rahmat, imbohannya syurga.

Bukan semua orang berminat kepada akhirat. Baiklah. Tetapi Allah Maha Pengasih Lagi Maha Pemurah. Benarpun akhirat itu masih tertutup, masih jadi rahasia, belum diberi kita menyaksikannya, kecuali setelah mati. Namun Allah dengan segala kemurahanNya ada memberi berupa isyarat-isyarat untuk kita sedar, insaf dan berfikir, bahawa apa-apa yang disebutNya dalam al-Qur'an dan disebut oleh RasulNya adalah benar. Bukan dongeng-dongengan.

Mengenai selawat, banyak isyarat-isyarat itu, tetapi manusia membutakan mata dan membekukan akal. Salah satu isyarat dapat dilihat daripada contoh ini:

Berkata al-Hafiz as-Sakhawi meriwayatkan: Bahawa seorang ibu telah datang kepada Hassan al-Bashri seraya berkata: “*Wahai Syeikh, saya telah kematian anak perempuan saya. Saya ingin benar untuk melihatnya didalam mimpi.*” Maka berkata Hassan al-Bashri: “*Engkau sembahyang empat raka'at dana baca pada tiap-tiap raka'at Surah al-Fatiha sekali, dan Surah al-Hakumu at-Takatsur sekali. Semua ini engkau lakukan selepas sembahyang 'Isya'. Kemudian engkau baringlah dan (sambil berbaring itu) engkau berselawat keatas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, sehingga engkau tertidur. Maka sayapun membuatnya, kata perempuan itu. Lalu saya benar-benar telah bermimpi. Saya nampak anak saya didalam 'azab. Dia dipakaikan dengan baju daripada tembaga cair (cair oleh api). Kedua tangannya terbelenggu serta kedua kakinya juga terantai daripada rantai api neraka. Sebaik-baik sahaja perempuan itu terjaga, diapun terus pergi mendapatkan Hassan al-Bashri untuk memberitahu tentang mimpinya itu. Hassan berkata: “Engkau bersedekah, mudah-mudahan Allah mengampunkannya.”*

Yang berikutnya, Hassan al-Bashri pula bermimpi: Dia seolah-olah berada didalam sebuah taman syurga. Dia telah menyaksikan ada seorang perempuan muda yang jelita, dikepalanya mahkota daripada cahaya. Dia berkata kepada

Hassan: "Wahai Hassan, adakah Tuan mengenali saya?" Menjawab Hassan al-Bashri: "Tidak." Katanya lagi: "Sayalah anak kepada perempuan yang Tuan suruh supaya berselawat keatas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam." Kata Hassan al-Bashri: "Tetapi ibumu memberitahu aku, bukan begini keadaanmu." Berkata perempuan: "Benar, apa yang dikhabarkan oleh ibuku itu adalah betul."

"Jadi", kata Hassan, "dengan apa pula engkau memperolehi pangkat dan kedudukan yang sedemikian rupa ini?"

Menjawab Perempuan: "Sebenarnya, jumlah kami semua ada 70 ribu, berada dalam keadan 'azab sengsara sebagaiman telah diceritakan oleh ibu saya kepada Tuan. Lalu (dengan takdir Allah), telah melintas seorang lelaki salih diatas kubur kami ini sambil dia berselawat keatas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam sekali sahaja, dan menghadiahkan pahala selawatnya itu kepada kami, lalu Allah menerima dengan membebaskan kami semua daripada 'azab sengsara, demi kerana berkat lelaki salih ini."

Itu isyarat berkaitan selawat dengan keselamatan di akhirat. Bagaimana pula isyarat berkaitan dengan keselamatan di dunia?

Ada, kita bawakan satu contoh yang masyhor: Daripada Ibnu al-Fakihani daripada asy-Syeikh ash-Shalih Musa adh-Dharir rahimahullah, katanya: "Saya telah belayar di laut tiba-tiba datang ribut (biasanya) sedikit orang akan selamat dengan ribut begini. Gemparlah manusia, sedang saya mengantuk dan tertidur. Saya melihat Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, Baginda bersabda: "Katakan kepada anak-buah kapal baca seribu kali:

اللهم صل على سيدنا محمد صلاة تنجينا بها من جميع الأهوال والأفات...
(hingga akhir). Bila saya terjaga, lalu sayapun memberitahu kepada semua anak-buah kapal akan mimpi saya itu. Maka

kamipun sama-sama berselawat (selawat al-Munjiah ini). Baru kira-kira 300 kali, Allahpun menyelamatkan kami.” Yakni ribut berhenti dengan kehendak Allah, berkat selawat ini.

Selain beberapa contoh diatas, banyak lagi yang boleh disebut tetapi memadailah dahulu.

Yang penting dari kita memperkatakan *Dalail al-Khairat* ini, kita telahpun dapat menemukan suatu hakikat bahawa selawat itu adalah tidak boleh diabaikan. Ia suatu tuntutan berdasarkan dalil naqal ayat al-Qur'an dan hadits-hadits. Terimbas daripada ayat al-Qur'an, hadits-hadits dan atsar-atsar, bahawa selawat itu adalah tonggak kekuatan umat. Kerana itu tidaklah heran ia dihayati oleh salaf dan khalaf. Hanya kita pada hari ini nampak-nampaknya sudah mengubah trend, banyak melupakannya. Kita bertanya: Berapa ramaikah yang berminat dengan kitab-kitab seperti *Dalail al-Khairat* yang mengandungi selawat-selawat? Sedangkan *Zikir Maulud Syaraf al-Anam* yang telah dipakai sekian lama itu lagi ada yang cuba mengecam dan menolaknya dengan berbagai-bagai tuduhan. Ini, tidakkah ia antara gambaran orang mahu lari daripada selawat, daripada memuji-muji Nabi dengan kepujian-kepujian yang hak? Tidakkah kita ingat isu anti hadits yang masih hangat sampai sekarang?

Seiring dengan sejuknya atau sunyinya dunia dengan selawat, maka seiring itu pula keimanan manusia merosot. Bila menyebut dari Rasulullah berkurangan, bermakna cinta kepada Baginda juga berkurangan. Apabila cinta kepada Baginda kurang, itu tandanya imanpun kurang. Cuba kita perhatikan hadits ‘Umar radhiyallahu ‘anhu ini, (maksudnya) : “Tuan wahai Rasulullah, adalah lebih aku cintai melebihi segala sesuatu, kecuali jiwaku yang berada diantara dua pinggangku.” Lalu Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Engkau belum lagi disebut Mukmin yang sempurna, sehingga aku lebih engkau cintai daripada

jiwamu." Maka 'Umar berkata: "Demi Zat yang telah menurunkan kitab kepada Tuan, sesungguhnya Tuanlah yang paling aku cintai melebihi daripada jiwaku." Kemudian Baginda bersabda: "Sekarang wahai 'Umar! Telah sempurnalah imanmu." (Dipetik dari Kitab *Dalail al-Khairat* sendiri).

Jadi dimana kita dengan selawat? Dimana kita letakkan sumber kekuatan ini? Adakah kita mendengar lagi jema'ah-jema'ah yang berselawat? Kumpulan-kumpulan umat Islam yang berselawat? Seperti pernah disebut didalam sejarah al-Jazuli pengarang *Dalail al-Khairat*, bahawa tidaklah menjadi pelik orang ramai pernah berkumpul bersama-sama beliau untuk beribadat sehingga mencecah angka 12,660 orang?

Di Mesir pernah dipraktikkan dalam Masjid al-Azhar tahun 1320 Hijrah membaca Kitab Shahih al-Bukhari dengan maksud menghapuskan kesusahan perang, kebakaran dan lain-lain.

Ini mengambil iktibar dari apa yang pernah dinukil oleh al-Qastalani dalam mukaddimah Syarh Shahih al-Bukhari daripada Syeikh Abi Muhammad Abdullah bin Abi Jamrah, yang berkata: "Berkata kepadaku kalangan orang-orang 'arif yang diakui, bahawa Shahih al-Bukhari tidak ia dibaca ketika didalam kesusahan, melainkan kesusahan itu hilang, dan jika dibawa belayar, tidak akan tenggelam."

Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi pula berkata bahawa apa yang dinukil oleh al-Qastalani ini telah dilakukan oleh ramai ahli ilmu dan pemimpin apabila dalam satu-satu negeri itu terjadi malapetaka. Juzuk-juzuk Shahih al-Bukhari dibahagi-bahagikan kepada para ulama dan penuntut. Kemudian mereka akan berhimpun dalam satu-satu tempat suci ketika mengkhatamkannya.

Cara ini telah menjadi warisan dari satu generasi kepada generasi sejak pendapat itu muncul. Bahkan mereka

bacakan juga untuk orang yang sakit, untuk melepaskan tahanan penjara dan lain-lain.

Syeikh al-Qasimi rahimahullah menegaskan: “*Aku beranggapan tidak sesiapa yang menolak amalan seperti ini...*”

* * *